

Rukun Negara 2.0 sangat bahaya

CADANGAN yang dibuat oleh pihak-pihak tertentu di negara ini agar kerajaan menyemak semula Rukun Negara ke arah menjadikannya sebagai Rukun Negara 2.0 merupakan sesuatu yang amat bahaya.

Dalam cadangan itu, mereka mempersoalkan kewujudan Rukun Negara yang pertama iaitu „Kepercayaan Kepada Tuhan,“ kerana alasannya tidak inklusif dan mereka juga menegaskan bahawa Rukun Negara yang pertama tidak sesuai kerana negara ini adalah negara sekular.

Senator Ustazah Asmak Husin berkata, perkara itu sebenarnya sangat bahaya sekiranya dibiarkan, tetapi kini ia telah berlegar di alam maya, sehingga perlu ditangani dengan sebaiknya oleh pihak kerajaan terutama Sekretariat Rukun Negara.

Membangkitkan perkara itu ketika mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada persidangan Dewan Negara 3 September lalu, beliau bertanya, jadi, apakah Sekretariat Rukun Negara turut berlegar juga di alam maya bagi menangani masalah itu.

Meneruskan ucapannya, beliau turut menyentuh tentang Perlembagaan Persekutuan yang merupakan mercu tanda tapak integrasi yang menjadi asas dan teras kesepaduan rakyat Malaysia.

„Adakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan institusi khas untuk memasarkan, menyemai dan fokus kepada penyelidikan dan penyebaran tentang Perlembagaan Persekutuan dalam kalangan masyarakat?

„Sebagaimana di Jerman, mereka mewujudkan satu institusi khas untuk mempromosi demokrasi di negara mereka dan juga di seluruh dunia,“ tegasnya.

Menerusi ucapannya itu, beliau antara lain turut menyentuh isu berkaitan dengan pencegahan anak luar nikah dan pendidikan kesihatan reproduktif yang telah dijalankan oleh Yayasan AIDS Malaysia dan ONE Condoms Malaysia, juga dengan dengan kerjasama UiTM yang dinamakan sebagai „Kakak Kondom.“

Beliau amat kesal dengan penganjuran program tersebut kerana ia merupakan satu tindakan yang mengalakkan perzinaan di kalangan rakyat negara ini.